



05 JUN, 2026

Pusat data bawa pulangan ekonomi lebih luas

Harian Metro, Malaysia



BUKAN SEKADAR PELUANG KERJA

Pusat data bawa pulangan ekonomi lebih luas

Kuala Lumpur: Tanggapan salah bahawa pusat data hanya menawarkan peluang pekerjaan adalah kurang tepat kerana industri ini membawa pulangan ekonomi yang lebih luas melangkaui pengambilan pekerja langsung melalui ekosistem yang dibina, kata Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) itu berkata, kritikan mendakwa pusat data mewujudkan peluang kerjaya yang sedikit berbanding pelaburan pembuatan tidak mengambil kira kesan limpahan ekonomi yang lebih besar kepada negara.

"Impak limpahannya lebih bersifat tidak langsung. Manfaat ini hadir daripada pembinaan dan kemasukan ekosistem yang tepat, khususnya apabila menyentuh aspek kecerdasan buatan (AI).

"Keadaan ini boleh diumpamakan seperti pembinaan lebuhraya. Apabila Lebuhraya PLUS dibina, kita tidak boleh menilai sumbangannya berdasarkan bilangan kaki-tangan yang mengutip tol semata-mata," katanya semasa sesi perbincangan panel di Persidangan Transisi Tenaga 2026 (ETCon26) di sini, semalam.

Tengku Zafrul menegaskan, MIDA kini memberikan tumpuan penuh bagi memastikan pelaburan berkaitan AI menyumbang secara positif kepada ekonomi menyeluruh melalui kesan limpahan yang bermakna.

"Kami sedar perlunya sikap lebih selektif dalam menerima pelaburan seperti pusat data. Kecekapan tenaga amat mustahak," katanya.

Tengku Zafrul berkata, pengendali pusat data memikul tanggungjawab besar bukan sahaja untuk menggunakan sumber tenaga hijau dan lestari, malah membantu membina ekosistem lebih luas.